

24.7.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

BEKALAN AIR TAMBAHAN SEHINGGA 80 JUTA LITER AIR SEHARI (80 JLH) DI SEBERANG PERAI MULAI TAHUN 2027

- **Loji Rawatan Air (LRA) BOT baharu yang menggunakan sumber air mentah dari Sungai Kerian di Seberang Perai Selatan (SPS) dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2027.**
- **Air terawat tambahan dari LRA ini akan disalurkan ke kawasan yang mempunyai permintaan air yang tinggi di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Tengah (SPT).**

PULAU PINANG, Jumaat, 24.7.2026: PBAPP akan mula mengoperasikan sebuah Loji Rawatan Air (LRA) baharu berkapasiti 80 juta liter sehari (80 JLH) di Seberang Perai Selatan (SPS) menjelang pertengahan tahun 2027.

Sebagai gambaran, kapasiti 80 JLH bersamaan dengan jumlah air yang mampu memenuhi kira-kira 35 kolam renang bersaiz Olimpik, atau mengisi kira-kira 53.3 juta botol air minuman bersaiz 1.5 liter setiap hari.

Pembinaan LRA bernilai RM216 juta ini akan dilaksanakan menerusi model *Build-Operate-Transfer* (BOT) atau Bina-Kendali-Pindah Milik. Sumber air mentah bagi loji ini ialah Sungai Kerian, iaitu sungai yang menjadi sempadan semula jadi antara Pulau Pinang dan Perak di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS).

Majlis Pecah Tanah LRA Sungai Kerian BOT telah disempurnakan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, pada hari ini.

Ini merupakan LRA pertama di Pulau Pinang yang dibangunkan menerusi model BOT selama 30 tahun. Pada masa ini, kesemua 10 LRA sedia ada di Pulau Pinang dimiliki dan dikendalikan oleh PBAPP. Namun begitu, LRA yang ke-11 ini akan dibina, dimiliki dan dikendalikan oleh Inya Water Engineering (M) Sdn. Bhd. (Inya), iaitu kontraktor yang dilantik oleh PBAPP.

Inya telah menandatangani perjanjian dengan PBAPP untuk membina dan mengendalikan loji baharu ini yang berupaya menghasilkan sehingga 80 JLH air terawat sehari menggunakan teknologi rawatan air sungai konvensional. Setelah tempoh perjanjian BOT selama 30 tahun berakhir pada tahun 2057, pemilikan LRA berkapasiti 80 JLH ini akan dipindahkan kepada PBAPP.

PBAPP akan membeli air terawat yang dihasilkan oleh Inya pada “harga permulaan” yang dipersetujui, iaitu RM0.98 bagi setiap meter padu (m³) atau RM0.00098 seliter, mulai tahun 2027. Perlu dijelaskan bahawa harga air terawat ini tidak termasuk caj pengambilan air mentah, kos penyimpanan air terawat, kos pengagihan dan pengepaman air, serta kos-kos sampingan lain yang akan ditanggung oleh PBAPP.

PBAPP kemudiannya akan mengagihkan air terawat tersebut ke kawasan-kawasan yang mempunyai permintaan air yang tinggi di SPS dan SPT, termasuk kawasan perumahan, premis perniagaan, kawasan perindustrian serta Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3).

Manfaat Utama

Manfaat utama LRA Sungai Kerian BOT berkapasiti 80 JLH ini adalah seperti berikut:

1.	Pelaksanaan yang pantas	Tambahan bekalan sehingga 80 JLH air terawat untuk SPS dan SPT akan tersedia menjelang pertengahan tahun 2027.
2.	Penyelesaian bekalan air jangka sederhana bagi SPS dan SPT	LRA ini akan membantu memastikan kecukupan dan kestabilan bekalan air di SPS dan SPT sehingga awal tahun 2030-an. Pada masa yang sama, ia memberi ruang bagi merealisasikan Projek Air Perak–Pulau Pinang (PPWP) dan/atau pelaksanaan projek strategik penyahgaraman air laut.
3.	Tiada komitmen perbelanjaan modal (CAPEX) jutaan ringgit oleh PBAPP	PBAPP tidak perlu menanggung komitmen perbelanjaan modal (CAPEX) sebanyak RM216 juta yang diperlukan untuk membina sebuah LRA berkapasiti 80 JLH.
4.	Tiada komitmen perbelanjaan operasi (OPEX) bulanan bagi PBAPP	PBAPP juga tidak perlu menanggung sebarang perbelanjaan operasi (OPEX) tambahan untuk mengurus, mengendalikan dan menyelenggara Loji Rawatan Air yang ke-11 di Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my